

16/09/2003

Hadi tidak bincang bajet, bangkitkan isu remeh

KUALA LUMPUR: Sikap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) yang tidak langsung membahaskan Bajet 2004 sebaliknya membangkitkan pelbagai isu remeh-temeh lain, mendapat kecaman daripada penyokong kerajaan.

Menteri Besar Terengganu itu, ketika membahaskan Bajet 2004 peringkat dasar, lebih banyak membincangkan isu lain terutama berkaitan Terengganu dan tidak langsung membincangkan kandungan bajet.

Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading), berkata beliau kesal dengan sikap Hadi yang tidak langsung membahaskan secara terperinci terhadap bajet berkenaan sebaliknya, membangkitkan isu lain, seperti masa bajet dibentangkan terlalu panjang sehingga terlepas waktu Asar.

Beliau berkata, berbanding bekas Ketua Pembangkang terdahulu, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, walaupun mengkritik tetapi ketika yang sama masih dapat memberi input baru kepada kerajaan ketika membahaskan bajet.

"Saya rasa mungkin Hadi terlalu sibuk menghadiri Muktamar Pas (ke-49) yang berakhir kelmarin, sehingga beliau tidak membuat persediaan," katanya ketika mengambil bahagian membahaskan Bajet 2004, semalam.

Sehubungan itu, katanya, Hadi dan ahli pembangkang patut bersyukur kerana bajet yang dibentangkan bukan saja faedahnya diperoleh oleh golongan yang menyokong kerajaan tetapi setiap lapisan masyarakat, termasuk pembangkang.

Terdahulu, Dewan Rakyat 'panas' apabila Hadi yang diberi peluang membahaskan Bajet 2004 peringkat dasar menggunakan kesempatan itu untuk menghentam kerajaan.

Ketua Pembangkang itu memulakan perbahasan dengan membidas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengambil masa terlalu lama membentangkan bajet sehingga terlepas waktu Asar.

Selain itu, Hadi turut menghentam kerajaan melalui beberapa perkara lain termasuk isu pemberian tanah di Terengganu dan pemberian lesen perjudian yang didakwa berleluasa.

Dewan bertambah hangat apabila Hadi menghuraikan secara panjang lebar mengenai konsep negara Islam hingga menyebabkan lima penyokong kerajaan bangun meminta laluan untuk bertanyakan soalan.